

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

SP 5.1.2; 5.1.3; 5.2.1; 5.3.1; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Pihak kami akan mengagihkan makanan-makanan ini _____ golongan gelandangan.
A ke C kepada
B pada D daripada
- Sebagai rakyat yang prihatin, kita hendaklah membantu rakyat yang hidup _____ agar kehidupan mereka terbela.
A payah C mudah
B susah D senang
- Persatuan Bahasa Melayu sekolah kita akan menganjurkan _____ bicara berirama sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.
A bertanding C menandingi
B tandingan D pertandingan

Sudut Bahasa

- Kata terbitan ialah kata yang terbentuk melalui proses pengimbuhan, iaitu dengan menggandingkan imbuhan dengan kata dasar.

- Amalan _____ dapat memupuk sikap bersatu padu dalam masyarakat yang berbilang kaum.
A tuduh-menuduh
B hasut-menghasut
C tolong-menolong
D dengki-mendengki

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Kita hendaklah menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana bahasa ialah lambang negara. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum digalakkan bertutur dalam bahasa Melayu bagi kewujudan persefahaman dan keharmonian.
A
B
C
D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- I Saya anggota Kelab Kebajikan sekolah.
II Anggota sukarelawan itu sedang mengagihkan makanan di kem pelarian itu.

- III Doktor memeriksa seluruh *anggota* badannya yang lebam-lebam itu.
 IV Sukarelawan akan dibahagikan kepada beberapa *anggota* yang terdiri daripada lima orang ahli.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

8. I *Sampai* hari ini, bantuan masih belum tiba di pusat pemindahan sementara mangsa banjir itu.
 II Pasukan perubatan *sampai* awal di kawasan kem pelarian Syria itu.
 III Wah, lelaki itu tinggi *sampai* dan ramah orangnya.
 IV Saya akan *sampai* lagi ke sini esok.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Peralatan persekolahan ini kami akan agihkan kepada murid-murid miskin.
 A agihkan kami akan
 B agihkan akan kami
 C akan kami agihkan
 D kami akan agihkan
10. Kita mestilah menjaga adab sebelum menziarahi pesakit.
 A adab sebelum berziarah
 B adab ketika menziarahi
 C adab ketika menziarah
 D adab sebelum menziarahi

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

11. I Murid-murid Tingkatan Tiga Melur melawat wad pediatrik di Hospital Sungai Buloh.
 II Mangsa-mangsa tanah runtuh itu telah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.
 III Profesor Emeritus Dr. Muhammad bin Haji Salleh adalah sasterawan negara.
 IV Murid-murid menggalakkan membaca karya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

12. I Peserta itu akan mendeklamasikan sajak tentang bahasa.
 II Pertandingan bicara berirama itu akan diadakan pada hari Rabu ini.
 III Keluarga Pak Cik Mahat mendapat bantuan daripada kerajaan.
 IV Amalan membantu-bantu dapat memupuk perpaduan nasional.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Peribahasa yang berikut membawa maksud susah senang dihadapi bersama, **kecuali**
 A bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
 B berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
 C bagaimana rupa begitulah bayangnya.
 D hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.